

**LAPORAN LAWATAN KERJA DAN JALINAN INTERAKTIF MELAKA  
BIOTECHNOLOGY CORPORATION (MBC) KE  
POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA**

**1.0 PENDAHULUAN**

Program Jalinan Interaktif dan Lawatan Kerja Pegawai-pegawai Perbadanan Bioteknologi Melaka (Melaka Biototechnology Corporation MBC) ke Politeknik Merlimau telah diadakan pada 24 April 2014. Lawatan julung kalinya diadakan ini melibatkan 3 orang pegawai dari MBC. En Badrul Hisham Badrudin, Ketua Pegawai Esekutif MBC telah mengetuai lawatan tersebut bersama-sama Pn Tee Mei Ghee Timbalan Pengarah (Pembangunan Perniagaan) dan Cik Rosmawati dari bahagian Pengujian Biomass. Lawatan tersebut adalah untuk membolehkan pihak MBC memahami dan juga mengumpul maklumat program-program yang ditawarkan di PMM serta mengenalpasti kepakaran dan kebolehan yang terdapat di PMM di dalam penghasilan produk inovasi yang boleh diketengahkan kepada industri-industri kecil terutamanya industri Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) di Negeri Melaka. Selain itu juga tujuan lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan perkhidmatan yang ditawarkan oleh MBC serta nasihat dan galakan kepada PMM untuk mendapatkan kemudahan perkhidmatan yang disediakan. Pegawai-pegawai kanan PMM yang terlibat dalam sesi jalinan interaktif bersama MBC diketuai oleh Pengarah Politeknik Merlimau, Timbalan Pengarah Akademik, Ketua Unit Penyelidikan & Inovasi, Ketua Unit CISEC (Coperate Industrial Services & Employability Centre), Ketua Unit Keusahawanan dan penyelia-penyelia produk inovasi PMM.

## **2.0 PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN**

Perbadanan Bioteknologi Melaka (MBC) menawarkan perkhidmatan pengujian saintifik makmal terhadap produk-produk makanan, minuman, agro-biotek, nutraseutikal, farmaseutikal serta kosmoseutikal. MBC juga turut menganjurkan program pembangunan kualiti produk dan usahawanan menerusi aktiviti seminar dan bengkel.

Makmal Toksikologi MBC telah diktiraf oleh Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia yang berstatus OECD 'Good Laboratory Practice-GLP' dan makmal-makmal lain telah memperoleh pensijilan akreditasi MSISO 17025:2005 daripada standard Malaysia.

MBC memberi fokus perkhidmatan dalam bidang-bidang berikut :

- Agro-Biotechnology
- Food Biotechnology
- Health Care/Pharmaceutical Biotechnology
- Chemical Industry
- Halal Industry
- Nutraceutical Industry
- Cosmeceutical Industry

## **3.0 HASIL YANG DIPEROLEHI DARI LAWATAN**

- Lawatan Jalinan Interaktif dan lawatan kerja ini adalah usaha MBC untuk memberi pendedahan dan penerangan kepada PMM perkhidmatan yang ditawarkan untuk membantu produk-produk inovasi pelajar PMM yang sering datang ke MBC untuk membuat pengujian produk inovasi masing-masing. Lawatan kerja ini melibatkan sesi taklimat dua hala dan perbincangan mengenai bahagian-bahagian dan peranan Unit Penyelidikan & Inovasi dan Unit Keusahawanan di PMM dan pihak MBC.
- Selain mengeratkan hubungan kerjasama antara MBC dan PMM, lawatan kerja ini juga diharap dapat menjadi pemangkin kepada program kerjasama dan pertukaran pandangan tentang pengujian produk inovasi melalui sesi

perbincangan dan soal jawab bersama-sama penyelia produk inovasi.

- Beberapa orang penyelia produk inovasi seperti Sabun Arometrapy, Kayu Sugi, Multi Purpose Detergent dan TCost Biscuit telah memberi penerangan ringkas tentang produk masing-masing serta mendengar komen-komen dan pandangan yang diberikan oleh pihak MBC untuk penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk masa hadapan. Penerangan dari Ketua Pegawai Esekutif MBC juga telah memberi pengetahuan dan info baru kepada penyelia-penyelia tersebut untuk memperkemaskan dan melancarkan lagi aspek pengujian produk inovasi.
- Hasil daripada lawatan ini juga pihak MBC telah dapat melihat dan didedahkan kepada produk inovasi PMM kesediaan dan kepakaran yang berkaitan inovasi dan kekangan yang dihadapi oleh PMM.
- Dari aspek keusahawanan, beberapa produk inovasi yang telah dikenalpasti untuk dikomersilkan dengan kerjasama BMC. Antaranya ialah produk Home Made Cocoa Soap hasil inovasi pelajar-pelajar DPR 6 Jabatan Perdagangan yang telah memenangi GOLD Medal dalam Perkaya Inovasi PMM 2014 telah mendapat kelulusan dalam pengujian oleh BMC dan sedang dalam perbincangan dengan RnDCIC Melaka untuk pembungkusan dan pelabelan.

#### **4.0 KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, lawatan ini telah dapat memberi pengetahuan serta membuka minda PMM tentang fungsi MBC dan bagaimana sesebuah PMM harus merancang, membangun dan mengurus produk inovasi dan mengambil peluang perkhidmatan yang ditawarkan oleh MBC. PMM juga merancang untuk mengadakan hubungan kerjasama yang lebih baik bersama MBC pada masa hadapan.. Ini bagi memastikan PMM akan menjadi sebuah IPT yang terkehadapan seiring dengan hasrat pengarah PMM untuk menjadikan PMM sebagai Politeknik Premier yang bukan sahaja dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua pelanggan dari dalam atau luar malah juga cemerlang dalam bidang Penyelidikan, Inovasi, Keusahawanan, Sukan dan Ko-kurikulum.

Disediakan oleh :

Normah Binti Jantan

Rabiah Binti Seman

